

28 JUL 2001

Zainuddin-Pembangkang

DAP WAJAR KEKAL DALAM PAKATAN PEMBANGKANG, KATA ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin hari ini berkata DAP patut kekal dalam pakatan pembangkang khususnya dalam hubungan dengan PAS demi untuk "kepentingan nasional".

Zainuddin dalam satu kenyataan di sini berkata DAP boleh dan berkeupayaan meliberalisasikan PAS.

"DAP tidak seharusnya sensitif terhadap tuduhan PAS menyatakan ia senada dengan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengecam PAS kerana soal Islam," katanya.

Sebaliknya, DAP harus melihat kepada kejayaannya menjadikan PAS lebih "sederhana" sehingga PAS sanggup menghancurkan patung penyu di Terengganu tetapi membenarkan kuil dan patung Buddha yang terbesar didirikan di Kelantan.

"DAP seharusnya membawa lebih ramai orang Cina dan penyokongnya dari seluruh Malaysia ke Kelantan untuk melihat keistimewaan yang telah diberikan oleh PAS kepada orang bukan Islam," katanya.

Katanya, sebagai contoh, wanita Cina diberikan kebebasan untuk berbaris dengan kaum lelaki di kaunter pembayaran di pasar Raya tetapi tidak membenarkan wanita Islam berbuat demikian.

Katanya, PAS juga telah banyak menunjukkan kesediaannya bertolak ansur dengan DAP dan telah menjadi lebih liberal sejak berbaik-baik dengan DAP.

Beliau berkata perpisahan DAP dan PAS hanya akan merugikan masa depan DAP dan oleh itu, tidaklah wajarlah bagi DAP untuk menyuruh PAS keluar dari pakatan pembangkang atau bagi DAP sendiri untuk bertindak keluar.

-- BERNAMA

MUN KHY MOZ